

Soalan 6 hingga 8

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Bangunan Sultan Abdul Samad merupakan bangunan yang telah merakam pelbagai peristiwa bersejarah negara. Antaranya ialah peristiwa menurunkan bendera penjajah, Union Jack pada pukul 12.01 tengah malam pada Ogos 1957. Di hadapan bangunan ini sering kali dijadikan tempat perhimpunan menyambut Hari Kebangsaan.

Bangunan ini juga salah satu mercu tanda Kuala Lumpur yang terkenal di seluruh dunia. Bangunan Sultan Abdul Samad telah dibina pada tahun 1894 oleh seorang arkitek berbangsa Inggeris bernama A.C. Norman dan telah dirasmikan oleh Allahyarham Tan Sri Dato' Mubin Shepperd pada 6 Oktober 1894. Beberapa buah bangunan di Kuala Lumpur mempunyai bentuk yang sama dengan bangunan ini, iaitu bangunan Stesen Kereta Api Tanah Melayu, Muzium Tekstil dan Masjid Jamek yang terletak di pertemuan Sungai Gombak dan Sungai Kelang.

Pada asalnya, bangunan ini dibina bagi menempatkan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang terdiri daripada Jabatan Perbendaharaan Negara, Pejabat Am, Pejabat Perakaunan dan Pejabat Pendaftaran Perkahwinan.

Kini, Bangunan Sultan Abdul Samad diwartakan sebagai warisan kebangsaan di bawah kategori tapak warisan oleh Jabatan Warisan Negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.


- 6 Apakah kepentingan Bangunan Sultan Abdul Samad dari segi sejarah?
- A Sering dijadikan tempat perhimpunan menyambut Hari Kebangsaan.
 - B Merakamkan peristiwa negara mencapai kemerdekaan.
 - C Menjadi mercu tanda Kuala Lumpur.
 - D Merakam pelbagai peristiwa.
- 7 Siapakah arkitek yang mereka cipta pelan bangunan tersebut?
- A Kerajaan Negeri Selangor.
 - B Sultan Abdul Sama.
 - C Dato' Mubin Shepperd.
 - D A.C. Norman.
- 8 Berikut ialah keistimewaan Bangunan Sultan Abdul Samad *kecuali*
- A menjadi mercu tanda Kuala Lumpur.
 - B tempat berlakunya peristiwa menurunkan bendera penjajah.
 - C Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
 - D tempat perhimpunan menyambut Hari Kebangsaan.

Soalan 9 dan 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Panduan Jadual Waktu Belajar



BAHAN 2

Antara kebaikan mempunyai jadual waktu belajar adalah dapat membantu seseorang individu mendisiplinkan diri dan menyusun waktu untuk belajar di rumah.

Mereka yang mempunyai jadual waktu belajar tidak akan membuang masa dengan melakukan aktiviti yang berfaedah kerana jadual waktu dapat melatih pelajar supaya berdisiplin dengan memenuhi masa dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah. Selain itu, mereka dapat menggunakan masa dengan sepenuhnya tanpa mengamalkan sikap suka bertanggung.

Kesimpulannya, jadual waktu belajar memberi kesedaran kepada murid-murid tentang tingginya nilai masa yang ada dalam kehidupan seharian kita.

Selain itu, mereka dapat menggunakan masa dengan sepenuhnya tanpa mengamalkan sikap suka *bertanggung*.

- 9 Maksud perkataan *bertanggung* dalam ayat di atas ialah
- A tertunda.
 - B terjadi.
 - C terbuat.
 - D terkedu.
- 10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A Pada waktu malam kita digalakkan untuk tidur pada lewat malam bagi mengulang kaji pelajaran.
 - B Antara kebaikan mempunyai jadual waktu belajar adalah dapat mengisi masa lapang dengan melakukan perkara yang tidak penting.
 - C Disiplin diri merupakan kunci utama untuk mematuhi jadual waktu belajar.
 - D Kita tidak akan mempunyai masa untuk melakukan aktiviti kegemaran jika kita mempunyai jadual waktu belajar.

Bahagian B

[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Antara faedah menabung adalah dapat membekalkan kewangan untuk kegunaan kita pada masa depan. Contohnya wang yang disimpan dapat digunakan untuk menampung perbelanjaan persekolahan seperti membeli alatan tulis, buku-buku rujukan, yuran persekolahan dan yuran kelas tambahan.

Seterusnya, wang juga diperlukan pada waktu kecemasan. Kita tidak dapat menjangkakan sesuatu hal menimpa keluarga. Kita perlukan wang yang banyak bagi mengatasi masalah atau situasi kecemasan. Kita perlu mengambil langkah bersiap sedia.

Selain itu, menabung juga dapat memupuk nilai-nilai murni seperti berjimat-cermat dan bertanggungjawab atas diri sendiri dan masa depan. Malahan simpanan kita juga akan bertambah. Menabung diibaratkan seperti bank kecil. Kita menyimpan untuk kegunaan masa hadapan dan semasa diperlukan. Kita tidak perlu meminjam dari mana-mana bank dengan kadar faedah yang tinggi.

Akhir sekali, melalui amalan menabung ini kita dapat mengeratkan hubungan antara ahli keluarga. Wang simpanan kita dapat digunakan untuk membantu ahli keluarga yang memerlukan. Di samping meringankan beban ibu bapa, hubungan kekeluargaan juga dapat dikukuhkan.

Oleh yang demikian, ibu bapa perlu menyemai amalan menabung ini kepada anak-anak sejak kecil. Jadikan contoh yang baik kepada anak-anak agar amalan ini diwarisi setiap ahli keluarga.

(a) Menabung dapat membekalkan kewangan untuk _____.
[1 markah]

(b) Mengapakah kita digalakkan menabung?

[2 markah]

(c) Gariskan **satu** kata ganda yang terdapat dalam ayat diberi.

Contohnya wang yang disimpan dapat digunakan untuk menampung perbelanjaan persekolahan seperti membeli alatan tulis, buku-buku rujukan, yuran persekolahan dan yuran kelas tambahan.

[1 markah]

(d) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberi.

Kita perlukan wang yang banyak bagi mengatasi masalah atau situasi kecemasan. Kita perlu mengambil langkah bersiap sedia.

Sebagai mengatasi masalah yang serius, kita perlukan wang yang banyak dan langkah yang sedia.	
Sebagai langkah bersiap sedia untuk mengatasi masalah atau situasi kecemasan, kita perlukan wang yang banyak.	

[1 markah]

Bahagian C


[10 markah]

Gambar di bawah menunjukkan aktiviti kemasyarakatan yang perlu dicontohi dalam sesebuah komuniti.

Tulis pendapat kamu tentang **aktiviti kemasyarakatan**.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan**.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.



Bahagian D

[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat atau karangan tidak berformat**.

Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.



